

PH mesyuarat dalam waktu terdekat

Serdang: Pakatan Harapan (PH) akan mengadakan mesyuarat dalam waktu terdekat berhubung Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, Johor, susulan kematian penyandanganya, Datuk Dr Md Farid Md Rafik pada Sabtu lalu, kata Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"PH akan bermesyuarat," kata Dr Wan Azizah yang juga Timbalan Perdana Menteri yang turut melahirkan rasa sedih atas pemergian Dr Md Farid yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Wan Azizah ditemui pem-

berita selepas merasmikan kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia, di sini, semalam.

Dr Md Farid, 42, meninggal dunia di Hospital Pontian pada Sabtu lalu akibat serangan jantung.

Allahyarham memenangi kerusi Parlimen Tanjung Piai pada PRU-14 selepas menewaskan penyandanganya, Datuk Seri Wee Jock Seng (BN-MCA), dengan majoriti 524 undi.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Ketua Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Bahagian

Tanjung Piai, Karmaine Sardini, berkata pihaknya belum berbincang mengenai calon PRK berkenaan.

Katanya, masih terlalu awal untuk pucuk pimpinan berbincang mengenai calon PRK Parlimen Tanjung Piai.

"Saya difahamkan, pucuk pimpinan, termasuk kepimpinan di peringkat negeri belum mengadakan mesyuarat untuk membincangkan mengenai calon PRK kerana Allahyarham (Dr Md Farid) baru saja meninggal dunia tiga hari lalu.

Bagaimanapun, katanya, BERSATU Tanjung Piai menyerah-

kan kepada parti untuk menentukan calon bagi PRK itu.

"Walaupun begitu, secara tidak rasmi, saya diminta oleh ahli di bahagian ini untuk bertanding di PRK nanti kerana sebelum ini pernah disenarai pendek bersama Allahyarham untuk bertanding di kerusi Parlimen Tanjung Piai pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

"Pada PRU lalu, pucuk pimpinan membuat keputusan Allahyarham bertanding di Tanjung Piai, manakala saya diminta bertanding di Pontian," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.